



**TEKS UCAPAN  
PRESIDEN ANGKASA  
YBHG DATUK SERI DR. ABDUL FATTAH  
ABDULLAH**

# **SESI BERSAMA PRESIDEN ANGKASA**

**31 JULAI 2023 (ISNIN)**

**9.00 PAGI**

**AUDITORIUM ANGKASA**

Terima kasih Saudara/Saudari  
pengacara majlis,

(Salutasi)

Assalamualaikum                      Warahmatullahi  
Wabarakatuh Salam Malaysia Madani,  
Salam Perpaduan dan Salam Koperasi

**Hadirin      Hadirat      yang      dihormati  
sekalian**

1. Alhamdulillah marilah kita memanjatkan rasa kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T atas Rahmat dan izin-Nya pada hari ini, kita semua diberi kesihatan untuk sekali lagi berkumpul di Auditorium ini, dalam Sesi Bersama Presiden untuk bulan Julai 2023.

2. Sekalung penghargaan diucapkan kepada para Anggota Lembaga, Pengerusi JPAN dan juga warga kerja ANGKASA di seluruh negara yang hadir mengikuti perjumpaan ini secara dalam talian.

3. Saya berharap dengan perjumpaan kita pada hari ini akan terus

menyemarakkan semangat kakitangan untuk terus menabur bakti kepada organisasi dan memastikan ianya kekal relevan dalam sebagai badan puncak yang menyumbang kepada kesejahteraan gerakan koperasi negara.

## **Dato'-Dato', Tuan-Tuan, Puan-Puan yang dihormati sekalian**

4. Alhamdulillah, hari ini telah 7 bulan kita berada dala tahun 2023. Ini bermakna ada 2 tahun 5 bulan lagi untuk sebelum kita menuju ke penamat tahun 2025. Bagi tempoh ini kerajaan telah menetapkan gerakan koperasi perlu

menyumbang sekurang-kurangnya RM60 Bilion kepada Keluaran Dalam Kasar Negara (KDNK).

5. Jadi saya ingin bertanya, sejauh mana usaha kita bagi memastikan peranan ANGKASA dapat dimainkan bagi mencapai hasrat tersebut? Bagaimana pula hala tuju Pelan



Strategik ANGKASA (PESAN50) dalam menjadikan Koperasi Sebagai Gaya Hidup?

6. Persoalan ini dilontarkan kerana sebagai Presiden saya hendak mengetahui sejauh mana hasrat daripada pihak kerajaan ini diimplimentasikan dalam gerak kerja

ANGKASA dan bagaimana ianya memberi impak kepada gerakan koperasi itu sendiri.

7. Begitu juga perihal di peringkat negeri. Seperti yang telah saya sebutkan dalam Mesyuarat Agung Negeri yang lalu, saya mahu melihat rangkaian kerjasama diwujudkan dengan

kerajaan negeri, agensi dan juga pemain industri supaya koperasi boleh turut serta dalam sektor – sektor penting yang menyumbang kepada peningkatan perolehan di negeri – negeri.

8. Langkah ini amat penting untuk diambil tindakan segera kerana kita

mahu tonjolkan yang Jawatankuasa di peringkat negeri diwujudkan sebagai perantara kepada ANGKASA pusat bagi tugas memperkasa rangkaian nilai perniagaan dan ekosistem koperasi.

**Dato'-Dato', Tuan-Tuan, Puan-Puan  
yang dihormati sekalian**

9. Kita baru sahaja terlibat dengan dua program besar iaitu **Hari Koperasi Negara 2023**, dan semalam kita baru sahaja menutup tirai penganjuran **Asia Pacific Cooperative Youth Summit 4.0 (APCYS4.0)** yang telah dirasmikan sendiri oleh Timbalan Perdana Menteri, YAB Dato' Seri Ahmad Zahid bin Hamidi

serta turut dihadiri Menteri KUSKOP Datuk Ewon Benedick.

10. Syabas kepada semua yang terlibat samada secara langsung dan tidak langsung. Saya melihat peranan yang dimainkan oleh ANGKASA dalam penganjuran program seperti ini merupakan satu kejayaan dalam

menunjukkan kemampuan ANGKASA sebagai badan puncak dalam menyuntik perubahan kepada anggotanya mahupun gerakan koperasi secara keseluruhannya.

11. Namun ada beberapa perkara yang perlu diberi perhatian agar kejayaan ini berterusan dan

memastikan organisasi sentiasa relevan sebagai badan apeks di negara ini.

12. Rasa puas dan cukup adalah musuh dalam kita mencapai kemajuan. Budaya menilai dan menambah baik perlu dijalankan secara berkala. Maklum balas



daripada anggota, rakan strategik dan pemegang taruh harus diambil tindakan dengan segera supaya kita boleh kekal di hadapan dalam memberikan khidmat kepada anggota dalam keadaan ekonomi semasa.

13. Kejayaan organisasi dibina di atas asas prinsip dan nilai yang kukuh. Dalam apa juga usaha yang dilakukan, jangan kita menyimpang dari visi yang menyatukan kita pada mulanya. Komitmen untuk memperkasakan koperasi, memupuk kebersamaan, dan menggalakkan

pembangunan sosiekonomi rakyat kekal harus menjadi agenda utama.

14. Perubahan lanskap ekonomi juga menjadi cabaran kepada gerakan koperasi. Sebagai badan puncak, amatlah perlu untuk kita sendiri berada di barisan hadapan dalam penggunaan inovasi dan teknologi

terkini. Strategi terkini dalam pembangunan gerakan koperasi harus mengambil kira perubahan teknologi bagi memastikan kita semua bersedia memanfaatkan peluang baharu yang muncul.

**Dato'-Dato', Tuan-Tuan, Puan-Puan  
yang dihormati sekalian**

15. Saya kira setakat ini titipan pesanan saya untuk perjumpaan pada kali ini. Saya berharap kita semua tekadkan komitmen untuk bersama – sama memajukan organisasi ini untuk terus menjadi badan puncak koperasi tunggal di negara ini.

16. Sekian wabillahitaufik walhidayah  
wassalamualaikum warahmatullahi  
wabarakatuh.